

15 JAN 1999

Mahathir-Islam

CARI KEKAYAAN UNTUK BANTU UMAT ISLAM YANG LAIN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam boleh berusaha mencari kekayaan asalkan mereka menggunakan kekayaan itu bagi membantu umat Islam yang kurang mampu serta bersedekah ke arah kebaikan agama dan negara.

Perdana Menteri berkata tidak salah bagi umat Islam mengejar kekayaan kerana melalui kekayaan itu mereka dapat membantu membangunkan negara dan meningkatkan taraf hidup umat Islam yang lain.

"Mengejar kekayaan di kalangan umat Islam bukanlah tidak baik, asalkan umat Islam tidak melupakan asal usul, agama dan bersedekah untuk membangunkan tempat-tempat ibadat seperti surau dan masjid," katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah Kompleks Islam al-Bukhary di Jalan Langgar di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, Pengerusi Yayasan al-Bukhary Datuk Syed Mokhtar al-Bukhary serta anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Dr Mahathir berkata sebuah negara Islam juga memerlukan kekayaan kerana hanya negara yang kaya akan dapat membangun serta menyediakan peralatan ketenteraan untuk mempertahankan diri.

Katanya, ketika ini negara-negara Islam dibom, diseksa, ditekan dan ditindas kerana mereka miskin dan daif.

"Sebab itu kita perlu betulkan keadaan ini supaya kita tidak ditindas begitu," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pembinaan Kompleks Islam Al-Bukhary yang terdiri daripada masjid, sekolah dan sekolah agama, rumah anak yatim, rumah warga tua, rumah persinggahan, pusat rawatan dan kompleks niaga itu tidak hanya terhad penggunaannya kepada umat Islam.

Katanya kompleks itu akan dapat memberi peluang kepada umat Islam menimba ilmu dan memberi peluang pekerjaan serta perniagaan bagi membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Beliau juga berkata walaupun ia dinamakan kompleks Islam, masyarakat bukan Islam juga boleh menggunakan ruang perniagaan dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah di kompleks itu.

"Melalui cara itu, kita akan dapat mendekati mereka kepada Islam dan menghilangkan rasa curiga mereka terhadap umat Islam seperti yang berlaku di negara-negara asing," kata beliau.

Perdana Menteri berkata sekiranya umat Islam dapat menunjukkan sifat baik-baik sesama Islam dan bukan Islam, sangkaan buruk yang sengaja dilemparkan oleh media asing terhadap umat Islam dan mengaitkan Islam dengan keganasan dapat disangkal.

Melalui cara itu juga, umat Islam dapat menunjukkan kepada masyarakat bukan Islam bahawa Islam bukanlah satu ancaman kepada mereka malahan Islam adalah agama yang menjurus ke arah keamanan.

Kompleks Islam al-Bukhary yang berharga RM70 juta itu terletak di kawasan seluas 11.8 hektar. Ia akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.

-- BERNAMA

SA MZM